

Mahathir mahu KL jadi bandaraya unik pada 2020

KUALA LUMPUR 31 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, mahu Kuala Lumpur menjadi bandaraya yang unik dan berbeza daripada bandaraya-bandaraya lain di dunia pada tahun 2020.

"Walaupun saya mungkin telah tiada, saya menggambarkan penduduk Kuala Lumpur menjadi orang yang sedar akan tanggungjawab mereka, tidak mengotorkan sekitarnya dan memperolehi pendapatan baik.

"Ketika itu Kuala Lumpur sudah cantik, bersih, selesa serta mempunyai satu sistem pengangkutan yang baik seperti Transit Rel Ringan (LRT)," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Pembangunan Kuala Lumpur di sini petang ini.

Beliau berkata, Kuala Lumpur tidak harus menjadi seperti banda-

raya lain yang biasanya kotor, sesak dan tidak selesa.

Perdana Menteri yakin Kuala Lumpur dapat menjadi bandaraya sedemikian kerana pada masa ini pun terdapat bandaraya yang maju di luar negara yang tidak setanding dengan Kuala Lumpur.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, usaha meningkatkan keindahan ibu negara masih diteruskan walaupun kadangkala mendapat kritikan.

"Contohnya usaha mengindahkan Dataran Merdeka pernah mendapat kritikan, tetapi setelah siap, ramai yang mengunjunginya," katanya.

Mengenai pengindahan Sungai Gombak, beliau yakin program tersebut tidak akan mengakibatkan banjir berlaku kerana jeram - jeram dibina jauh di dasar sungai dan akan kelihatan ketika airnya cetek.